

**Warkah-Warkah Istana Kedah kepada Francis Light: Cebisan Sejarah Global
Kedah/Pulau Pinang**

oleh
Ahmad Murad Merican
Institut Antarabangsa Pemikiran dan Peradaban Islam (ISTAC-IIUM)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Kuala Lumpur

[Penulis ialah professor di Institut Antrrabangsa Pemikiran dan Peradaban Islam (ISTAC-IIUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia. Minat akademik dan penyelidikan beliau ialah sejarah intelektual, kajian media dan kewartawanan, serta kajian sejarah dan persejarahan Melayu Pulau Pinang. Beliau telah menghasilkan 15 buku termasuk *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang* (2015), *Views from Pulau Pinang: Countering Modern Orientalism and Policy Perspectives* (2018, sebagai penulis bersama), *Revisiting Atas Angin: Reviewing the Malay Imagination of Rum, Ferringhi and the Penjajah* (2019) dan *Batu Uban, Tanjong dan Bagan: Pengkisahan Lisan* (2019). Ahmad Murad juga merupakan kolumnis di *New Straits Times*, dan *Dewan Masyarakat*. Beliau pernah menjadi Profesor Adjung to Akademi Seni, Budaya dan Warisan (ASWARA), Profesor Pelawat di Universitas Andalas, Sumatera Barat, serta penyandang Zamalah Residen Presiden Kehormat, Yayasan Kepimpinan Perdana]

Pengenalan

Koleksi surat-surat Melayu yang dikenali sebagai Francis Light Letters (MS40320) merupakan himpunan warkah Melayu yang terbesar di dunia dengan kira-kira 1,200 surat yang disusun dalam 11 jilid. Ia ditulis dalam Bahasa Melayu menggunakan huruf Jawi. Ada juga beberapa bahagian warkah-warkah yang menggunakan bahasa Arab dan Parsi. Ia kini disimpan di School of African and Oriental Studies (SOAS), Universiti of London. SOAS, pada bulan September 2018, telah memberi hak kepada Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengendalikan imej digital koleksi tersebut untuk kegunaan awam. Usaha mendapatkan hak dari SOAS untuk memaparkan dan menggunakan surat-surat itu telah dimulakan sejak tahun 2011.

Label 'Francis Light Letters' telah sekian lama digunakan oleh SOAS sejak tahun 1916 apabila ia diasaskan. Sebelum itu, koleksi tersebut tersimpan di King's College. Ia pada

asalnya^{1d2} dirangkumkan sebagai the Marsden Collection, sempena pemilik awalnya William Marsden (1754-1836), seorang peneroka awal kajian Melayu yang dikahirkan di Dublin, Ireland. Surat-surat Light telah dibeli oleh Marsden dari sebuah lelongan di London pada awal 1800. Apabila beliau meninggal dunia, surat-surat itu diserahkan oleh balunya kepada King' College. Marsden, juga seorang pentadbir, berkhidmat di bawah Syarikat Inggeris Hindia Timur (SIHT/East India Company) di Sumatera antara 1717 hingga 1779.

Dalam katalog *Indonesian Manuscripts in Great Britain* ditulis

Malay correspondence, consisting chiefly of letters from the Rajahs and principle native merchants of the Peninsula and neighbouring islands, addressed to Capt. Francis Light and Capt. James Scott of Pulo Pinang. In several Portfolios (Marsden, 1827: 304)

(Bibliotheca Marsdeniana Philologica et orientalis. A catalogue of books and manuscripts, collected with a view to the general comparison of languages, and of the study of oriental literature (London). Printed by J.L. Cox.

Ditulis dalam M.C. Ricklefs, P. Voorhoeve and Annabel Teh Gallop (2014) *Indonesian Manuscripts in Great Britain*. Jakarta: Ecole française d'Extrême-Orient, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia and Yayasan Pustaka Obor Indonesia seperti berikut:

MS 40320

A collection of several hundred Malay letters in 11 bundles. Consisting primarily of correspondences received (with some copies of letters sent) by Capt. Francis Light and Capt. James Scott of Penang from (and to) rulers and dignitaries of Malay sultanates in the A.D. 1780s and 1790s. But there are also items from Aceh, Jambi, Indragiri, Minangkabau, Palembang, Pedir, Siak, and other places in Sumatera, from Brunei and Sambas, and from Tidore.

Various papers, various sizes. Marsden collection. See Marsden, 1827, p. 304. Some of these letters published with English translations in Marsden, 1812, pp. 137-57.

*Penghargaan kepada Abdur-Rahman Mohamed Amin, Universiti Teknologi PETRONAS dan Radia Banu Jan Mohamad, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia.

Saiz dan keadaan surat adalah pelbagai dan tidak sama. Lebarnya ialah antara 20.1 sm ke 22.2 sm dan panjangnya 27.1 sm ke 57.1 sm. Terdapat banyak surat yang bergerigi dipinggirannya. Umumnya koleksi itu dipelihara dengan baik oleh pihak perpustakaan dan arkib SOAS.

Nota kajian awal

Antara sarjana awal yang pernah merujuk kepada surat-surat Light ialah sarjana Orientalis British Russell Jones dan Ulrich Kratz, mantan profesor di School of Oriental and African Studies, University of London. Pada tahun 1981, Jones telah menghasilkan makalah yang bertajuk "Two Malay Letters Written by Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Shah of Kedah to Captain Francis Light" *JMBRAS* 54 (3):24-34. Kratz telah menerbitkan dua makalah, pertama, "Some Malay Letters on Trade", *Indonesia Circle* 44:3-16 tahun 1987 dan "Surat-surat Light, 1786 – 1794" dalam Annabel Teh Gallop (1994). *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library for the National Archives of Malaysia): 130-141. Satu lagi makalah oleh Kratz ialah pada tahun 2012 bertajuk "Francis Light's Place in the Trading System of Both Coasts of the Malay Peninsula" *Asian Journal of Social Science* 40:83-99. Barbara Watson Andaya (1978). "The Indian Saudagar Raja (The King's Merchant) in Traditional Malay Courts, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 51, No. 1 (233), 12-35. Di kalangan penyidik, sejarawan dan sarjana Malaysia, beberapa orang telah mula merujuk dan menulis berdasarkan kepada koleksi Surat-Surat Light. Mereka termasuk Abdul Razak Abdul Karim (1996), "Manuskrip surat-surat Francis Light: suatu analisis aspek kosa kata," *Jurnal Filologi Melayu*, 5, Noor Suraya Adnan (2008), Abdur-Rahman Mohamed Amin (2014), Muhammad Pisol Mat Isa dan Muhaimin Sulam (2014), Nik Haslinda Nik Hussein (2014), Ahmad Jelani Halimi (2006, 2014), Ahmad Jelani Harun (2008), Wan Shamsuddin (2014) dan Ahmad Murad Merican (2015, 2018).

Klasifikasi

Surat-surat itu dapat diklasifikasikan seperti berikut:

- Surat yang dikirim kepada Light
- Surat yang dikirim kepada Scott, rakan niaga Light
- Nota, catatan, draf surat dan salinan yang dikirim oleh Light
- Surat-surat raja-raja dan pembesar-pembesar

- Surat-Surat antara negeri-negeri Melayu dengan rantau Siam-Burma
- Surat-surat Melayu dengan watak-watak Eropah
- Lain-lain dokumen – bil, resit, petisi dan kontrak

Secara khususnya, koleksi itu mengandungi

Surat-surat dari Kedah, Selangor, Perak, Terengganu, Kelantan, Aceh, Asahan, Batu Bahara, Siak, Palembang dan Pontianak. Juga terdapat surat dari saudagar raja. Pelbagai kajian dapat kita jalankan melalui surat-surat tersebut. Antaranya ialah

- Sistem ekonomi kepulauan Melayu sebelum 1800
- Diplomasi dan perhubungan luar
- Sistem penulisan
- filologi
- Perniagaan dan perdagangan
- Kosmologi dan pandangan alam Melayu
- Kehidupan di Kepulauan Melayu sebelum bertapaknya kolonialisme dan imperialisme
- Pembentukan wilayah politik dan negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu
- Kehidupan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu
- Kegiatan perempuan Melayu
- Wacana Melayu dan Barat
- Kedah/negeri-negeri Melayu sebagai sejarah global

Francis Light di Alam Melayu

Surat-surat itu dapat meluruskan sejarah dan persejarahan. Ia dapat memaklumkan kita mengenai apa yang dirundingkan dan di minta oleh Francis Light kepada dua orang Sultan Kedah pada masa itu. Mereka ialah sultan Kedah ke 19, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Shah II (1710 – 1778), dan sultan Kedah ke 20, Sultan Abdullah Mukarran Shah (1778-1798). Light telah bermastautin di Kepulauan Melayu sejak 1771 (meninggal 1794). Pada tahun 1765, Light berlayar mengikuti kapal *Clive* milik SIHT ke Bombay dan Madras. Di Madras, beliau dipertanggungjawabkan kepada kapal dagang (country ship), the *Speedwell*, milik syarikat Jourdain, Sullivan & Desouza berpusat di Madras. Beliau digelar

dan berfungsi sebagai 'country trader' - pemilik/nakhoda kapal yang berdagang di perairan berdekatan. Beliau pada mulanya menempatkan dirinya di Ujung Salang (Phuket), mencari tempat-tempat yang sesuai untuk pusat pelabuhan yang dapat di gunakan oleh Syarikah Penting disebut di sini bahawa Light selama itu mempelajari selok belok adat dan budaya Melayu, fasih bertutur dalam Bahasa Melayu, dan membaca Jawi. Beliau juga, secara umumnya, selama 23 tahun hidup di Kepulauan Melayu di kalangan raja-raja dan pembesar serta masyarakat Melayu, telah menzahirkan dirinya sebagai Melayu dengan berpakaian baju Melayu, kain pelikat dan juga bersongkok.

Warkah-warkah Istana Kedah

Antara dokumen terawal dalam koleksi ini ialah dokumen yang dikirim oleh Laksamana Kedah yang mencatatkan transaksi perdagangan bertarikh 22 Syawal 1181H (12 Mac 1768).

Surat Laksamana Kedah kepada Francis Light (MS40320/3 folio 60) berkenaan ambilan yang dihantar ke Salang (22 Syawal 1181 = 12 Mac 1768)

Qawluhu al-Haq

Ini disalin daripada daftar besar diberi pergi ke Salang di suruh beri pada Orang Kaya Light Kapitan Dewa Raja, minta dikeluarkan beri mari. Ha.

Pada sanah 1181 tahun, pada dua likur haribulan Syawal, ambilan Marikan Ban Kin Salang pada hadrat Dato' Laksamana, mata emas lima puluh emas. Pada dua puluh hari bulan Saaban, ambilannya opium sembilan kati, harganya sebahara timah Salang.

Sebagai pula diambil mata emas seratus emas, jumlah diambil mata emas, kedua fasal ini seratus lima puluh emas, jadi timah dua bahara Salang dan mata emas enam emas, jumlah harga opium dan mata emas itu jadi tiga bahara timah Salang, dan emas enam emas, akan emas itu dimaafkan hadrat Dato' akan Marikan itu. Ha.

Sanah 118 tahun2 wau dulapan belas hari bulan Jamadil Awal, disalin daftar ambilan Mam Pet anak Cam Rong bernama Waprak Kit duduk sehari2 ini, emas putih tiga puluh emas sambutannya jadi timah lima keping, dan ambilan garam enam nalih harganya sekeping.

Sebagai pula diambilnya opium dulapan kati, harganya sebahara timah.

Sebagai diaku hutang bapaknya lima belas bahara, jumlah jadi enam belas bahara enam keping.

Dalam ini sudah disemukakan suruh bayar akan Marikan Ban Kin lima bahara, sudah ditolak ini, baki lagi tinggal sebelas bahara enam keping timah Salang ini, hendaklah anakanda Orang Kaya Light Kapitan Dewa Raja tolong keluar beri mari kata dalam surat anakanda piutang lama2 tiada boleh ditunggu, tiada dibenar Raja Maha Besar akan utang ayahanda pada Marikan.

Itu pun hutang lama lagi sudah ayahanda semukakan, sudah selesai itu, lagi dikerasinya teman ayahanda fakir sahib itu dikehendakinya, jika tiada dengan penolong anakanda, teraniyalah teman ayahanda dan harta ayahanda.

Ahwal inilah ayahanda nyatakan, minta anakanda tolong kerasi, keluarkan hak ayahanda kepada Waprak Kit itu boleh2.

Tamat.

Warkah-warkah istana Kedah Darul Aman merupakan warkah yang paling banyak wujud dalam koleksi The Light Letters. Sultan Muhamad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah

merupakan sultan yang pernah berutus surat dengan Francis Light. Sultan Muhamad Jiwa menaiki takhta sebagai Sultan Kedah pada tahun 1710 dan mangkat pada tahun 1778. Antara warkah terawal yang dikirim kepada Francis Light dikesan bermula pada bulan Rabiul Akhir tahun 1185 hijrah (Julai 1771M). Pada masa itu, hubungan Francis Light dengan Sultan Muhammad Jiwa lebih terarah kepada hubungan dagangan yang melibatkan pelabuhan di Kedah, Salang dan Madras. Light yang berpusat di Salang sentiasa berulang alik ke Madras dan turut berlayar ke pelabuhan Kedah untuk mendapatkan barang dagangan tempatan. Terdapat sekurang-kurangnya 10 pucuk warkah yang dikirim kepada Francis Light. Ia juga termasuk warkah perjanjian dagangan yang melibatkan pembahagian keuntungan antara Francis Light dan Sultan Muhamad Jiwa. Selain Francis Light, terdapat dua lagi rakan kongsi beliau yang turut disebut oleh Sultan Muhammad Jiwa iaitu "Nyonya" dan Saudagar Muhamad Mir Husain. Antara barangan komoditi dari Kedah ialah opium, timah, lada, pinang dan beras. Gajah turut menjadi barangan komoditi dari Kedah. Light pernah meminta izin baginda untuk membeli 2 ekor gajah bagi dibawa ke Madras.

Selain baginda, anakandanya iaitu Sultan Abdullah Mukarram Shah turut berutus surat. Sultan Abdullah menaiki takhta menggantikan ayahandanya pada tahun 1778 dan mangkat pada tahun 1797, iaitu selepas 3 tahun kematian Francis Light pada 1794. Bilangan warkah yang dikirim oleh Sultan Abdullah Mukarram Shah kepada Francis Light melebihi 140 pucuk surat. Antara warkah terawal ialah salinan warkah yang dihantar oleh Francis Light kepada Sultan Abdullah bertarikh 2 Jamadil Awal 1199 Hijrah (13 Mac 1785).

Berbeza dengan warkah daripada Sultan Muhamad Jiwa yang lebih menjurus kepada kegiatan perdagangan, warkah-warkah Sultan Abdullah turut menyentuh isu-isu politik dan ekonomi seperti isu perjanjian pengambilan Pulau Pinang, penjualan barangan komoditi dan hutang, memohon bantuan untuk menangani permintaan daripada Siam, pembelian senjata dan juga isu-isu tempatan yang berlaku di Kedah. Dalam warkah pada bulan Disember 1787, Sultan Abdullah pernah mengadu bahawa Siam telah meminta agar baginda menyediakan 150 buah perahu dan 5,000 orang tentera bagi membantu tentera Siam berhadapan dengan Burma. Baginda juga pernah menolak permintaan Francis Light untuk mendapatkan tanah di Teluk Air Tawar. Bahkan, baginda juga pernah menafikan tuduhan bahawa baginda terlibat dalam perancangan untuk membunuh Francis Light. Berdasarkan warkah-warkah Sultan Abdullah, secara jelas hubungan antara baginda dan Francis Light bukan hanya terhad kepada hubungan ekonomi dan perdagangan, tetapi juga melibatkan hubungan diplomatik dan

geopolitik antarabangsa termasuk hubungan dengan Inggeris dan Siam, sehingga akhirnya Kedah kehilangan sebuah pulau, yang mengikut asal permintaannya adalah sebagai tempat kecil untuk membaiki kapal, seperti yang tertulis dalam warkah Sultan Abdullah "...hendak bubuh loji kecil, tempat singgah baiki kapal perang, tiada dipinta hendak buat negeri..."³

Contoh-contoh warkah

(MS40320 Volume 1 folio 14)

Memohon bantuan Light bagi mereka yang ingin mengerjakan haji

Al-Mustahaqq

Surat tulus ikhlas berkasih kasihan yang tiada berkesudahan daripada beta sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang yang aqil bijaksana lagi arif telah masyhur ke mana2 kemudian daripada itu ahwal adalah pada tahun ini banyak orang miskin2 yang hendak pergi ke Tanah Arab itu mari dari mana2 terhimpun di negeri beta ini hendak menumpang berlayar ke kapal Malbari maka kapal Malbari tiada sampai dengan sebab itu jadi susah hati segala orang yang hendak pergi ke Tanah Arab itu jadilah beta lengkapi sebuah kapal muat segala orang miskin2 itu serta dengan belanja makanannya beta suruh Syaudagar Mirangkandu bawa berlayar ke Tanah Arab menyampaikan hajat segala orang miskin2 itu serta beta muat timah sedikit suruh singgah di negeri Kochi jual timah itu kalau2 lepas belanja maka modal itu sedikit sangat jika hendak muat dagangan yang lain pun tiada kerana orang dagang tiada bawa mari ke negeri beta ini Jadilah beta suruh Syaudagar Mirangkandu singgah di Pulau Pinang mendapatkan sahabat beta jika ada dagangan pada sahabat beta barang yang patut laku di negeri Kochi itu pinta sahabat beta tolong beri akan Syaudagar Mirangkandu barang yang perkenannya itu serta dengan tali sauh yang baik dua dan sauh satu sekalian itu sahabat beta serahkan pada Syaudagar Mirangkandu ambil suratnya dengan tentu banyak diterimanya itu hantar mari pada beta bersama dengan surat sahabat beta boleh beta bicarakan timah dan barang yang berkehendak sahabat beta yang ada pada beta ini boleh beta hantar pergi bayar akan sahabat beta selesaikan demikian lagi sahabat beta tolong barang hal sakit sukar Saudagar Mirangkandu serta temannya itu segerakan suruh berlayar dari awal musim dan orang miskin2 yang hendak pergi ke Tanah Arab barang yang terlebih muat dalam kapal beta itu pun dengan petolong sahabat beta tumpangkan pada kapal Keling berlayar dari Pulau Pinang itu kerana orang dalam kapal beta ini terlalu banyak itulah beta nyatakan pada sahabat beta pergi surat dua puluh haribulan Jamadil Awal

Ringkasan:

Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light memaklumkan kepada Light tentang masalah orang miskin yang hendak pergi ke Tanah Arab menunaikan haji dengan kapal melalui Malbari. Kapal yang ditunggutunggu masih belum tiba. Oleh itu, Sultan Abdullah telah menyuruh saudagar Mirangkandu berlayar membawa kesemua orang-orang miskin tersebut menunaikan fardu haji dan dihantar bersama dengan belanja makanannya. Sultan Abdullah turut mengirim timah untuk dijual di Kochi sebagai sebahagian perbelanjaan perjalanan kapal tersebut. Oleh kerana kurangnya pedagang yang masuk berdagang di Kedah, Sultan Kedah kekurangan barang dagangan untuk diberi bagi menampung perbelanjaan kapal. Justeru, Light diminta untuk membantu memberikan barang

³ Lihat Abdur-Rahman Mohamed Amin, "Warkah-Warkah Istana kepada Francis Light," Syarahan Cenpris-Dato' Jenaton, 12 Disember 2018, Bukit Tok Jenaton/Minden, Pulau Pinang. Warkah-warkah yang dikirim dari istana merupakan antara sumber utama mengkaji masyarakat dan peradaban Melayu diambang zaman moden. Perdagangan merupakan asas utama yang menghubungkan antara Light, kedaulatan dan alam Melayu, dengan kuasa luar rantau berdekatan dan Eropah.

dagangan yang boleh dijual di Kochi beserta dua tali sauh dan sebuah sauh untuk diserahkan pada Saudagar Mirangkandu. Light diminta untuk

(MS40320 Volume 3 folio 31)

Penerimaan surat persediaan perang dengan Siam Salang

Al-Mustahaqqah

Surat tulus ikhlas berkasih kasihan muafakat yang tiada berkesudahan daripada beta Paduka Seri Sultan Abdullah mamlakat di negeri Kedah sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang yang akil bijaksana telah masyhur sampai ke mana mana kemudian dari itu barang tahu sahabat beta maka adalah surat daripada orang Awak Raja Tawi dan Raja Marit junjung titah Raja Maha Besar benua Awak beri mari kepada Laksamana tersebut dalam surat itu sudah bersiap perahu kelengkapan angkatan hendak mari melanggar Siam Salang disuruhnya Laksamana maklumkan pada beta surat itu jadi beratlah kerja itu maka ada pula khabar di luar surat itu banyak perkataan yang berat2 bunyi khabarnya maka inilah beta beri Syahbandar Seri Lela Pahlawan pergi sambut sahabat beta mari hendak muafakat bicarakan surat2 ini balas suratnya diberi Malim Jauzi itu berlayar segera boleh beta berkata2 sendiri dengan sahabat beta jika sudah sahabat beta mari pada beta ini maka jadi kesukaanlah pada hati beta ini maka dengan bersurat2 pergi mari itu tiadalah memadai hendak keluarkan kata2 yang baik itu diketahui orang banyak yang baik itu pun jadi kejahatan perintah kerja itu tambahan beta pun menaruh rindu akan sahabat beta lama sudah tiada sahabat beta mari kepada beta ini perbuat surat hari Sabtu tiga belas haribulan Safar tamat al-kalam

Ringkasan:

Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light memaklumkan kepada Light berkenaan penghantaran surat daripada orang Burma, Raja Tawi dan Raja Marit kepada Laksamana bahawa mereka sudah bersedia untuk berperang dengan Siam Salang. Justeru, baginda menghantar Syahbandar Seri Lela Pahlawan untuk berbincang tentang surat yang diterimanya itu. Adalah lebih baik sekiranya Light sendiri boleh hadir untuk berbincang dengan Sultan Abdullah. Surat telah ditulis pada hari Sabtu, 13 Safar.

(MS40320 Volume 3 folio 50)

Permintaan Siam ke atas Kedah dari segi wang dan barang dagangan

Al-Mustahaqq

Surat kasih sayang serta tulus ikhlas yang tiada berkesudahan daripada beta Sultan Abdullah sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang bahawa akan pesan sahabat beta kepada anak beta Cik Awi itu maka sudahlah disampaikan oleh anak beta itu kepada beta maka seperti pesan sahabat beta suruh kukuhkan negeri tiada boleh dipercayakan akan Siam itu maka sangatlah masuk hati beta hendak turut kerjakan seperti pesan sahabat beta maka perintah di dalam negeri ini sahabat beta pun telah tahu kerja sehari sampai sepuluh lima belas hari itu pun tiada jadi maka sekarang ini sebagai datang penyuruh Siam itu pada beta berbagai2 kehendaknya pada beta itu pun beta belanjakan juga pada sekali2 datang penyuruhnya itu dua tiga ribu sebab beta menanti sahabat beta mari dari Benggala sampai sekarang ini pun demikian juga kehendaknya pada beta maka sekarang ini sangatlah kesakitan beta duduk sehari2 ini hendak mencari belanja seperti kehendak Siam itu kerana kapal Keling pun tiada masuk membeli gajah demikian lagi segala perahu2 dagang pun tiada masuk berniaga sebab itulah beta beri surat dua tiga kali panggil sahabat beta mari beta hendak adukan segala hal beta hendak bertutur kata sendiri dengan sahabat beta maka sahabat beta tiada boleh

mari dengan sebab banyak kerja sahabat beta di Pulau Pinang maka itulah terlalu susah hati beta maka dahulu pun sudah beta nyatakan segala hal keadaan beta kepada sahabat beta maka sangatlah harap beta hendak berjumpa adukan hal beta kepada sahabat beta inilah beta nyatakan kepada sahabat beta perbuat surat pada dua haribulan Jamadil Akhir hari Khamis tamat

Ringkasan:

Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light memaklumkan bahawa baginda telah menerima pesanan yang disampaikan melalui anakanda baginda, Cik Awi. Antara pesanannya ialah agar pertahanan Kedah dikuatkan kerana terdapatnya ancaman daripada Siam. Baginda memaklumkan Siam telah menghantar utusan meminta pelbagai permintaan daripada Kedah. Baginda masih menunggu Light untuk datang dari Benggala bagi bertemu baginda. Ini kerana keadaan Sultan Abdullah pada masa ini menghadapi masalah kewangan untuk memenuhi tuntutan Siam kerana tiada kapal dari India yang masuk membeli gajah di Kedah. Tambahan pula, kapal pedagang juga semakin berkurangan masuk berniaga di Kedah. Oleh sebab itulah Sultan Abdullah telah menghantar surat untuk memanggil Francis Light menghadap baginda untuk membincangkan tentang masalah ini, namun Light tidak dapat datang kerana kesibukan kerja di Pulau Pinang. Justeru, besarlah harapan Sultan Abdullah agar Light dapat datang bertemu baginda sendiri untuk menyelesaikan masalah dengan Siam ini. Surat telah siap ditulis pada 2 Jamadil Akhir, hari Khamis.

(MS40320, Volume 5, folio 4)

Deraf surat jawapan Sultan Abdullah tentang permintaan Inggeris mendapatkan Pulau Pinang

Surat tulus ikhlas berkasih kasihan muafakat yang tiada berkesudahan selagi ada perkitaran cakerawala matahari dan bulan pada pihak bersahabat handai dan taulan daripada Paduka Seri Sultan Abdullah Mukaram Sah yang mempunyai takhta kerajaan di negeri Kedah Darul Aman barang disampaikan Tuhan seru alam kepada sahabat beta Gurnador Jenderal Raja Negeri Benggala yang akil bijaksana telah masyhur gah perkasa perangai yang sempurna umur titahkan perang di laut dan di darat terpuji nama kemudian dari itu barang tahu kiranya sahabat beta maka adalah mari Kapitan Light Dewa Raja maklumkan pada beta katanya sahabat beta pinta Pulau Pinang itu hendak beri wakil sahabat beta Kapitan Light Dewa Raja perbuat tempat dibubuh tangga kompeni Raja Inggeris Pulau Pinang itu tempat berjual beli dan baiki kapal perang serta kemudahan cahari makanan daripada air kayu maka sudah beta nyatakan kepada kapitan itu segala kehendak beta sampaikan pada sahabat beta jika sudah berbetulan dan kesukaan sahabat beta dengan segera beri mari orang duduk di Pulau Pinang itu barang kekurangan di dalam Pulau Pinang itu boleh beta tolong atas kadar beta segera adakan ahwal inilah beta nyatakan perbuat surat pada hari Selasa pada empat likur bulan Sawal pada sanah 1199 tahun2 ha tamat al-kalam

Ringkasan:

Deraf surat Sultan Abdullah kepada Gabenor Jeneral di Benggala bagi memaklumkan bahawa Francis Light telah memberitahu kepada baginda berkenaan permintaan Gabenor Jeneral di Benggala untuk mendapatkan Pulau Pinang. Ia akan diberi kepada Light, iaitu wakil Gabenor Jeneral di Benggala sebagai tempat untuk kompeni Inggeris berjual beli, membaiki kapal perang dan sebagai tempat untuk mencari makanan dan minuman. Sultan Abdullah telah memaklumkan kepada Light segala permintaan daripada baginda untuk disampaikan kepada Gabenor Jeneral di Benggala. Jika Gabenor Jeneral sudah bersetuju dengan permintaan baginda, maka baginda membenarkan orang dari kompeni Inggeris untuk datang dan tinggal di Pulau Pinang. Surat ini telah siap ditulis pada hari Selasa, 24 Syawal tahun 1199, tahun-tahun ha.

(MS40320, Volume 5, folio 69)

Salinan surat Sultan Abdullah menolak 2 syarat baru

Surat kasih sayang beta sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang bahawa akan perintah Pulau Pinang itu sahabat beta nyatakan mari kata dengan kehendak Jenderal dari Benggala hendak buat tempat baik kapal perang buat loji dan bubuh tinggal ikut adat kompeni maka Pulau Pinang itu jalan pinta perniagaan sebab daripada sangat putih hati akan sahabat beta maka jadilah beta muafakat dinyatakan pada sahabat beta seperti kehendak beta jika Jenderal turut berikan maka beta kesukaanlah terima maka sahabat pinta bertanggung hendak nanti Jenderal nyatakan mari surat balas dari Belayit kerana sudah Jenderal nyatakan pergi dahulu dalam itu berapa lama sudah maka sahabat beta pun tiada boleh mari pada beta maka beta suruh Laksamana pergi banyak kali sudah pinta kata2 sahabat beta yang putus dari kerana surat surat janji sahabat beta pun ada beri beta taruh maka ini sahabat beta nyatakan mari dua kehendak lain daripada kehendak beta nyatakan dari awal mulanya suka atau tiada suka beta sahabat beta pinta putus dinyatakan pergi maka perintah lain daripada kehendak beta dinyatakan dahulu itu keduanya itu tiadalah beta sukakan maka pada surat beta dahulu pun sudah beta nyatakan jika tiada kesukaan pada Jenderal seperti kehendak beta sudah beta pinta tabik tiadalah beta suka maka daripada sangat beta putih hati tulus akan sahabat dan akan Jenderal inilah beta nyatakan boleh sahabat beta muafakat dengan segala kepercayaan Jenderal di Pulau Pinang itu cahari pada jalan kebajikan yang betul benar seperti pinta beta itu ditentukan mari jika tiada sahabat beta khususkan pun seperti pinta beta itu dahulu itu boleh beta bicara turut seperti surat kompeni barang hal kekurangan disuruh beta nyatakan pergi maka itulah Laksamana beta beri pergi pinta sahabat beta nyatakan mari dengan segeranya dengan sebenar putih hati sahabat beta boleh beta ketahui buat surat empat belas haribulan Jamadil Awal tamat maka surat Yang Dipertuan Kedah ini disalin Hakim Bandar Pulau Pinang tamat

Ringkasan:

Salinan surat Sultan Abdullah kepada Francis Light yang memaklumkan bahawa perintah mendapatkan Pulau Pinang itu adalah dengan permintaan daripada Gabenor Jenderal di Benggala sebagai tempat untuk membaiki kapal perang. Maka Sultan Abdullah telah bermuafakat dengan Light untuk memenuhi permintaan itu dengan beberapa syarat daripada baginda kepada Gabenor Jenderal. Jika Gabenor Jenderal dapat memenuhi syarat baginda ini, baginda amat gembira. Namun, Light minta ditangguhkan perkara ini bagi menunggu jawapan balas daripada Gabenor Jenderal tentang permintaan Sultan Abdullah ini. Oleh kerana Light sudah lama tidak datang mengadap, Sultan Abdullah telah meminta agar Laksamana pergi mencari Light bagi mendapatkan kata putus tentang syarat yang diminta oleh Sultan Abdullah. Malangnya, Light telah menambah dua lagi permintaan baru selain daripada apa yang telah dipersetujui sebelum ini dan permintaan baru ini tidak disukai oleh Sultan Abdullah. Sultan Abdullah meminta agar dibincangkan semula perkara ini dan hendaklah akur sepertimana syarat yang terdapat dalam perbincangan terdahulu. Segala keputusan hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada Sultan Abdullah. Surat ini telah siap ditulis pada 14 Jamadil Awal dan disalin oleh Hakim Bandar Pulau Pinang.

(MS40320, Volume 6, folio 33)

Masalah Cik Qarib yang berhutang dan tinggal isteri

Al-Mustahaqq

Surat tulus ikhlas serta berkasih kasihan daripada beta sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang yang aqil bijaksana telah masyhur ke mana2 ahwal adalah orang dagang nama Cik Qarib mari berbini di sini ditinggalkan lama sangat tiada dengan sesuatu khabar ada atau tia dan tanda kebajikan suatu pun tiada maka masa ia duduk di sini ada ia pinjam harta mentuhanya dua puluh rial, itu pun tiada dibayarnya lagi itulah pinta sahabat beta periksa keluarkan rial dua puluh itu serah

beri mari pada Syahbandar Seri Maharaja Paduka ini maka akan bininya itu pun sangatlah diteriaknya pada beta tiada kuasa ia berhutang baris buat belanja makan suatu pun tiada Cik Qarib itu mau hantar mesarakan bininya itu pun sahabat beta beri hukum betapa adat ditinggalkan demikian ini pinta sahabat beta suruh Cik Qarib itu hantar mari belanja mesyara bininya ini selama ia tinggalkan ini jika ia ada kasih lagi akan bininya ini boleh ia pulang mari jika ia tiada mau pulang pun boleh Cik Qarib itu kirim mari talak supaya mudah hamba Allah ini tumpang turut orang pergi cahari makan jangan sebagai isteri Cik Qarib mari mengadu hingari beta itulah beta nyatakan perbuat surat pada enam likur haribulan Syawal tamat

Ringkasan:

Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light menceritakan tentang Cik Qarib yang datang berdagang dan berkahwin dan kemudian meninggalkan isterinya terlalu lama tanpa sebarang berita atau belanja. Semasa dia duduk di sana, dia ada meminjam harta mertuanya sebanyak 20 rial yang masih belum dibayar lagi. Sultan Abdullah meminta untuk memeriksa dan membayar 20 rial itu terlebih dahulu kepada Syahbandar Seri Maharaja Paduka. Baginda juga meminta agar Light dapat memerintahkan Cik Qarib menghantar belanja untuk menyara isterinya. Sekiranya Cik Qarib sudah tidak mahu kembali semula kepada isterinya, baginda meminta supaya Cik Qarib menceraikan isterinya supaya boleh dia menumpang orang lain untuk keluar mencari rezeki. Surat ini telah ditulis pada 26 Syawal.

(MS40320, Volume 6, folio 50)

Tawaran kelebihan kepada Sultan Abdullah jika Pulau Pinang diserahkan

Patik maklumkan ahwal patik ini (sin-dal-ya) hamba tuha pada paduka marhum sampai pada Yang Maha Mulia maka tit cita dalam hati patik malam dan siang jika boleh hendak beri jadi suatu antara Yang Maha Mulia dengan Jeneral supaya timbullah keyakinan patik akan seperti titah Yang Maha Mulia suruh patik pakat dengan segala kepercayaan Jeneral di Pulau Pinang pakat bicara pada jalan memberi kebajikan antara Yang Maha Mulia dengan Jeneral itu pada fikir patik2 jika Yang Maha Mulia berkasih kasihan dengan Jeneral banyak jalan jadi kebajikan pada Yang Maha Mulia dan segala rakyat Yang Maha Mulia yang miskin2 jadi kemudahan mencahari ayapan itu pun jadi kebajikan pada Yang Maha Mulia juga dan perniagaan Yang Maha Mulia pun tiada kurang makin lama bertambah2 dan segala larangan Yang Maha Mulia di dalam bandar Kedah itu pun tiada hilang dan lagi Yang Maha Mulia beri seorang harapan duduk berniaga dalam Pulau Pinang di dalam itu pun banyak boleh kelabaan Yang Maha Mulia tiap2 tahun dan lagi segala beras Yang Maha Mulia ditaruh di Pulau Pinang dijual pada segala kapal dagang harganya ikut kesukaan Yang Maha Mulia di dalam itu pun banyak kelabaan pada Yang Maha Mulia dan segala dagangan yang keluar di dalam jajahan Yang Maha Mulia dihimpun taruh di Pulau Pinang dijual pada segala kapal2 dagang atau pada kompeni harganya ikut kesukaan Yang Maha Mulia dan barang yang kekurangan boleh Yang Maha Mulia pinta pada Kompeni dan hasil Pulau Pinang pun boleh Yang Maha Mulia terima tiap2 tahun jadi banyak jalan kelabaan Yang Maha Mulia tambahan hati Yang Maha Mulia pun senang tiada menaruh bimbang pada sebelah laut sudah dengan perintah kompeni demikianlah ada kebajikan di dalam itu lebih maklum Yang Maha Mulia kerana Yang Maha Mulia menanggung martabat wali akan hal kelabaan kompeni di dalam Pulau Pinang ini (sin-dal-wau-dad) pun belum lagi timbul laba pada kompeni sekadar belanja beberapa banyak sudah habis jika sudah tentu keluar kelabaan kompeni di dalam Pulau Pinang ini masa itu boleh Yang Maha Mulia pinta pada Jeneral akan belanja pada fikir patik Jeneral pun sukalah beri mana patut patik pun boleh nyatakan pada Jeneral tiada cukup pemberian Jeneral akan belanja negeri Yang Maha Mulia sekalian patik maklum ini dengan ikhlas putih hati patik tanda hamba jika ada tempoh ampun jadi benar patik pohonkan Yang Maha Mulia khususkan barang yang patut jangan jadi berat sangat sampai pada Jeneral supaya boleh patik pergi sendiri khususkan patik ambil surat ikrar janji Jeneral sembahkan Yang Maha Mulia patik pun

balik dari Benggala itu patik singgah mengadap Yang Maha Mulia patik pohonkan balas dengan segera boleh patik bersiap hendak pergi ke Benggala dibuat surat ini pada bulan Jamadil Akhir tamat daulat

Pemberian Jeneral pada fasal Pulau Pinang ini

Ringkasan:

Salinan atau deraf surat Francis Light kepada Sultan Abdullah memaklumkan tentang kelebihan bekerjasama dengan Gabenor Jeneral di Benggala. Menurut Light, sekiranya Sultan Abdullah boleh bekerjasama dan mempunyai hubungan dengan Gabenor Jeneral di Benggala melalui Pulau Pinang, ia akan memudahkan rakyat mencari pendapatan, perniagaan Sultan Abdullah di Kedah akan semakin berkembang, mendapat keuntungan hasil perniagaan oleh wakil sultan di Pulau Pinang dan boleh menjual beras kepada kapal dagang di Pulau Pinang dengan ketetapan harga oleh Sultan Abdullah sendiri. Di samping itu, sekiranya terdapat kekurangan hasil oleh Kedah, Sultan Abdullah boleh meminta bantuan kompeni Inggeris dan boleh mendapat cukai hasil dari Pulau Pinang pada tiap-tiap tahun. Tambahan pula, Sultan Abdullah tidak perlu bimbang dengan serangan dari laut kerana sudah dilindungi oleh kompeni. Light turut memaklumkan bahawa selepas kompeni Inggeris mendapat keuntungan di Pulau Pinang, Sultan Abdullah boleh memohon kepada Gabenor Jeneral supaya memberikan pembayaran kepada baginda sebagai perbelanjaan negeri Kedah. Justeru, Light memohon agar Sultan Abdullah tidak meletakkan syarat yang sukar untuk dipenuhi oleh Gabenor Jeneral supaya mudah Gabenor Jeneral memberikan surat ikrar perjanjian untuk mengambil Pulau Pinang dan ia akan dihantar terus oleh Light kepada Sultan Abdullah sebaik tiba dari Benggala. Light meminta agar surat ini dapat dibalas segera untuk memudahkan dia bersiap pergi ke Benggala. Surat ini siap ditulis pada bulan Jamadil Akhir.

(MS40320, Volume 7, folio 37)

Memantau perahu orang jahat di Pulau Payar

Al-Mustahaqqah

Surat tulus ikhlas berkasih kasihan muafakat yang tiada berkesudahan daripada beta mari sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang yang akil bijaksana telah masyhur sampai ke mana mana kepada pihak bersahabat sangat sempurna sampai ke timur dan barat kedengaran bahana kemudian dari itu barang tahu sahabat beta ahwal adalah beta beroleh khabar perahu orang berlayar lalu sebelah laut Pulau Payar lalu ke barat tiga puluh haluan maka pada kira beta jika orang baik hendak berniaga maulah singgah di Pulau Pinang itu atau di Kuala Kedah ini tiada singgah kedua tempat ini orang jahatlah yang demikian itu maka inilah beta nyatakan pada sahabat beta sebaiknya sahabat beta suruh perahu Jaga2 ikut perahu itu beri tentu perbuat surat hari Khamis pada dulapan belas haribulan Zulkaedah tamat al-kalam tamat

Ringkasan:

Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light memohon Light menghantar perahu "Jaga-jaga" untuk memantau sebuah perahu orang jahat yang berlayar di sebelah laut Pulau Payar. Kebiasaannya, manamana perahu yang datang berdagang akan singgah di Pulau Pinang atau Kuala Kedah, namun ternyata perahu ini tidak singgah di kedua-dua tempat tersebut. Surat ini telah ditulis pada 18 Zulkaedah, hari Khamis.

(MS40320, Volume 7, folio 41)
Kapal Perancis berlabuh di Kedah

Al-Mustahaqqah

Surat kasih sayang serta tulus ikhlas yang tiada berkesudahan daripada beta sampai pada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang adalah pada tiga likur haribulan Muharam hari Sabtu ini sampai sebuah kapal Perangsih tiang tiga mari berlabuh (dal-alif-lam-nga-nun) kuala maka naik seorang orang besarnya ke kuala diperiksa mata mata katanya mari dari Acheh keputusan makanan dipintanya beras dan lembu dan ayam itik dan air maka inilah beta nyatakan pada sahabat beta maka beras itu sangat kekurangan pada beta maka beta bertanggung di dalam dua tiga hari hendak cahari barang bolehnya hendak beri pada pendapat beta dan lah sampai kapal sahabat beta beri mari tangkap ambil bawa pergi maka sahabat beta berilah kapal perang mari bersama2 penyuruh beta ini Lebai Ha dengan segeranya inilah beta nyatakan buat surat malam Ahad empat likur bulan Muharam tamat

Ringkasan:

Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light memaklumkan pada 23 Muharam, hari Sabtu, telah berlabuh sebuah kapal Perancis bertiang tiga. Seorang pembesarnya telah naik ke kuala dan diperiksa oleh matamata. Dia menyatakan bahawa mereka datang dari Acheh dan menghadapi masalah keputusan bekalan makanan. Dia telah meminta beras, lembu, ayam, itik dan air. Malangnya, baginda pula sedang menghadapi masalah kekurangan beras. Sultan Abdullah meminta Light menghantar kapal perang dengan segera untuk menangkap mereka. Surat ini telah ditulis pada 24 Muharam, malam Ahad.

Pilihan senarai perkataan yang terkandung dalam Surat-Surat Light

(MS40320, Volume 7, folio 96)
Sultan Abdullah perintah Light mengadap

Al-Mustahaqqah

Surat kasih sayang dan tulus ikhlas yang tiada berkesudahan selagi ada cakerawala matahari dan bulan daripada beta sampai kepada sahabat beta Gurnador Pulau Pinang ahwal akan perintah kita dengan Siam ini tiadalah berputusan kehendaknya sahabat beta pun sedia ketahui perintah Siam itu maka sekarang ini sampai pula surat Raja Ligor itu maka sudah beta muafakat dengan segala menteri sekalian belum tentu lagi maka sahabat beta seorang lagi yang tiada masuk bicara ini maka inilah beta pinta sahabat beta mari berjumpa dengan beta boleh kita muafakat bicara perintah dengan Siam ini besar sangatlah kerjanya tiadalah teradakan oleh beta seperti kehendak Siam itu bagai2 seolah ia hendak cahari salah atas beta maka haraplah beta akan sahabat beta mari seketika juga boleh kita putus bicara dengan Siam ini maka itulah Laksamana beta sudah pergi pada sahabat beta pergi surat lima likur bulan Jamadil Akhir hari Arba' tamat bermula dengan Laksamana inilah sahabat beta bersama2 mari tamat

Ringkasan:

Surat Sultan Abdullah kepada Francis Light memaklumkan berkenaan permintaan daripada Siam kepada baginda yang datang tanpa henti. Datang pula surat Raja Ligor dan perkara ini sudah dibincangkan bersama jemaah menteri. Sultan Abdullah meminta Light datang mengadapnya bagi berbincang perkara tersebut memandangkan permintaan yang tinggi dari Siam sehingga sukar untuk dipenuhi. Permintaan ini seolah-olah sengaja dibuat untuk mencari kesalahan baginda. Justeru, Sultan Abdullah amat mengharapkan Light dapat datang untuk berbincang dengan baginda. Sultan Abdullah menitahkan agar Light dapat datang mengadap bersama-sama dengan Laksamana baginda. Surat ini disiapkan pada 25 Jamadil Akhir, hari Rabu.

(MS40320, Volume 7, folio 148)

Surat ikrar memohon Pulau Pinang dan syarat-syarat oleh Light

Ini ikrar Kapitan Light Dewa Raja maka adalah sanda ini disuruh Raja Beggala mari pinta tempat pada ke bawah Duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia Pulau Pinang itu dipohonkan hendak perbuat loji bubuh tinggal tempat kapal perang mudahlah hendak baiki kapal itu serta barang yang kekurangan bekal dipohonkan tolong kurnia maka tatkala sudah dikurnia Pulau Pinang itu barang yang jadi seteru Duli Yang Dipertuan dari sebelah laut dan sebelah darat jadi seterusnya pada kompeni maka belanja sebelah laut itu di atas kompeni belanjakan dan sebelah darat pun tolong kompeni juga maka belanjanya di atas Duli Yang Dipertuan jika tiada cukup belanja Yang Dipertuan ditolong kompeni dahulu kemudian diwasalkan maka gudang Duli Yang Dipertuan suatu di Pulau Pinang itu diberi seorang wakil memerintahkan jual beli maka arta larangan tiga perkara pertama opium dijual orang di dalam itu hasilnya barang yang patut diserupakan dan timah dan rotan dua perkara yang keluar di dalam jajahan Kedah ini wakil Duli Yang Dipertuan membayari tiada boleh orang lain beli ditegahkan mana harga dalam beli kompeni dan timah dan rotan yang datang dari negeri yang lain barang siapa hendak beli tiada tegah larang maka orang kompeni yang duduk di Pulau Pinang itu barang yang putus makanan daripada beras padi dan kerbau lembu dan ayam itik dan barang yang jadi makanan mari beli di negeri janganlah ambil hasil bandar dan kuala dimaafkan dan barang yang kesakitan orang kompeni di Pulau Pinang itu ditolong Duli Yang Dipertuan belanjanya atas kompeni perbuat surat ini dua haribulan Jamadil Awal hari Ahad pada sanah 1199 pada tahun ha tamat

Ringkasan:

Ini ialah ikrar dan janji oleh Kapten Francis Light Dewa Raja. Bahawasanya Light telah disuruh oleh Raja Beggala untuk meminta tempat pada ke bawah Duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia untuk dibuat tempat baiki kapal perang dan untuk mengambil bekalan kapal. Apabila Pulau Pinang sudah dikurniakan kepada Raja Beggala, mana-mana musuh Duli Yang Dipertuan yang datang dari arah lautan dan sebelah daratan juga merupakan musuh kepada kompeni. Perbelanjaan perang dari arah lautan itu merupakan tanggungan kompeni manakala serangan yang datang dari arah daratan itu akan dibantu oleh kompeni, tetapi perbelanjaan perangnya datang daripada Duli Yang Dipertuan. Berkaitan gudang Duli Yang Dipertuan di Pulau Pinang itu, ia akan diberikan seorang wakil untuk menguruskan jual beli. Terdapat 3 komoditi sebagai barang kawalan dalam transaksi jual beli. Pertama ialah opium. Kemudian, dua perkara yang keluar dari jajahan Kedah ini, hanya wakil Duli Yang Dipertuan berhak menerima bayaran daripada kompeni, tidak dibenarkan orang lain untuk membelinya, iaitu timah dan rotan. Walau bagaimanapun, timah dan rotan yang datang dari negeri lain tidaklah dilarang untuk dibeli oleh orang ramai. Bagi penduduk kompeni di Pulau Pinang yang terputus bekalan makanan termasuklah beras, padi, lembu, kerbau, ayam dan itik hendaklah dibantu oleh Duli Yang Dipertuan. Surat ini ditulis pada 2 Jamadil Awal, hari Ahad, tahun 1199, tahun Ha.

Istilah-istilah (terpilih) yang terkandung dalam warkah Koleksi Light Letters

- Alpa [careless, ignore]
- Gurnador [governor]
- Kodi [meaning a measurement of 20]
- Mudik [sail up river]
- Nahar [Arabic – day time]

- Opium [opium]
- Pangeran [title for aristocrats and children of royalty]
- Penakan [nephews/nieces]
- Qamar [Arabic – month]
- Rentaka [cannon] Senin: Isnin
- Senteri [traders, foreigners]
- Senyur [Portugis – mister/messrs]
- Shams [Arabic – sun]
- Sulab [European ship]
- Supai [soldier]
- Mata-mata [police]

Penghargaan

Ramai orang yang telah menyumbang kepada perjalanan imej Surat-Surat Francis Light dari Scool of Oriental and African Studies (SOAS), London sehingga ia ditempatkan Universiti Sains Maaysia (USM), Bukit Tok Jenaton/Minden, Pulau Pinang pada September 2018, serta terlibat secara langsung dalam transliterasi surat-surat berkenaan sejak tahun 2011. Mereka termasuk Erich Kesse, Susannah Raynner dan Mulaika Hijjaz dari SOAS; Radia Banu Jan Mohamad, Fujica Azura Feisal, Nor Azlinda Wan Jan, Engku Razeefah Engku Chik dan Siti Fatimah Hashm dari Perpustakaan Hamzah Sendut, USM; dan Azian Saaiya, Bahagian Perundangan, USM. Mereka yang telah membantu mengurus dan menjalankan transliterasi dari Jawi ke Rumi, dan kajian awal (termasuk kerja-kerja awal penyiapan meta data) termasuk khususnya Abdur-Rahman Mohamed Amin dari Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), seterusnya Nik Haslinda Nik Hussein dan Ahmad Jelani Halimi (USM); Abdur-Rahman Mohamed Amin, Muhammad Pisol Mat Isa dan Muhaimin Sulam (Universiti Teknologi PETRONAS).

Rujukan Terpilih

Abdul Razak Abdul Karim (1996). "Manuskrip surat-surat Francis Light: suatu analisis aspek kosa kata." *Jurnal Filologi Melayu*, 5, 1-24.

Andaya, Barbara Watson (1978). "The Indian Saudagar Raja (The King's Merchant) in Traditional Malay Courts," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jilid 51, No. 1 (233), 12-35.

Jones, Russell (1981). "Two Malay letters written by Sutan Muhammad Jiwa Muazzam Syah of Kedah to Captain Francis Light," *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Jilid. 54, No. 3 (241), 24-34.

Kratz, E.U. (2006). Like a Fish Gasping for Water: The Letters of a Temporary Spouse from Bengkulu, Indonesia and the Malay World, Vol. 34, No. 100, 247-280.

Manuskrip MS40320

Ricklefs, M.C., P. Voorhoeve, P. & A.T. Gallop, (2014) *Indonesian Manuscripts in Great Britain*, Jakarta: Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.

Laman Sesawang

www.suratlight.blogspot.com

*Penghargaan kepada Abdur-Rahman Mohamed Amin, Universiti Teknologi PETRONAS dan Radia Banu Jan Mohamad, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia.